

Penularan COVID-19

'Ketepi perbezaan politik jayakan Belanjawan 2021'

Perlu peruntukan pulih ekonomi, bantuan rakyat berdepan wabak

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
dan Luqman Arif Abd Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap, semua Ahli Parlimen mengetepikan perbezaan politik untuk memastikan Belanjawan 2021 akan dibentangkan minggu depan, dapat diluluskan demi kepentingan rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, Belanjawan 2021 akan menyediakan pelbagai peruntukan kepada agensi kerajaan, bantuan untuk rakyat jelata dan insentif kepada sektor korporat, industri dan perniagaan dalam menghadapi COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara.

Katanya, demi kepentingan rakyat dan negara, satu bentuk persefahaman boleh dirangka dalam kalangan Ahli Parlimen untuk membolehkan Bajet 2021 diluluskan dengan sokongan Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

"Dalam mengurus gelombang ketiga COVID-19 pada waktu ini, kerajaan cuba sedaya upaya untuk mengelak kesan terlalu buruk ke atas ekonomi negara yang boleh memberikan kesan negatif

Dalam mengurus gelombang ketiga COVID-19 pada waktu ini, kerajaan cuba sedaya upaya untuk mengelak kesan terlalu buruk ke atas ekonomi negara yang boleh memberikan kesan negatif kepada kehidupan rakyat.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

kepada kehidupan rakyat.

"Saya tahu ramai rakyat yang sedang menderita kerana kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan akibat penularan COVID-19. Banyak perniagaan yang terpaksa ditutup.

"Lebih 800,000 orang kehilangan pekerjaan. Saya mendengar rintihan saudara dan saudara se-

kalian. Kita mengambil pendekatan mengimbangi di antara kepentingan melindungi nyawa rakyat dan keperluan menjamin kelangsungan hidup saudara dan saudara sekali.

"Kita perketatkan SOP bagi kegiatan sosial, pendidikan, keagamaan, sukan dan lain-lain untuk kurangkan pergerakan orang ramai dan memutuskan rantaian jangkitan.

"Tetapi pada masa yang sama, kita benarkan kegiatan ekonomi diteruskan, tertakluk kepada pematuan SOP yang ketat untuk memastikan perniagaan dan industri terus beroperasi," katanya menerusi perutusan khas mengenai situasi semasa COVID-19, semalam.

Muhyiddin berkata, inisiatif yang bakal diumumkan dalam Belanjawan 2021 diyakini mampu meringankan beban ditanggung semua pihak dalam menghadapi tempoh sukar sekarang.

Beliau memberi jaminan kerajaan Perikatan Nasional (PN) pimpinannya akan terus mencari jalan terbaik untuk mengurus krisis besar yang sedang dihadapi rakyat dan negara ketika ini.

"Matlamat kita hanyalah satu iaitu untuk menang dalam melawan COVID-19 dan memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat sentiasa terbelas," katanya.



Pekerja Restoran Warisan Melayu, Kuala Lumpur menyaksikan siaran langsung perutusan khas Perdana Menteri mengenai situasi semasa COVID-19.

(Foto Fathil Asri /BH)